

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN
IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : 19 MEI 2015 (SELASA)

SOALAN :

Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta PERDANA MENTERI menyatakan statistik tahunan terperinci kesan limpahan sosioekonomi terhadap masyarakat setempat dan kawasan sekitar natijah pembangunan Pelabuhan Klang sejak mula beroperasi hingga terkini dan disasarkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11).

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini tiada kajian spesifik dijalankan untuk mengkaji kesan limpahan sosio ekonomi terhadap masyarakat setempat hasil daripada pembangunan di Pelabuhan Klang. Walau bagaimanapun, impak pembangunan Pelabuhan Klang boleh dilihat melalui pembangunan kawasan perindustrian dan perniagaan yang menyediakan peluang aktiviti ekonomi dan pekerjaan kepada penduduk. Di samping itu, pembangunan perumahan di kawasan sekitar juga menyediakan persekitaran perumahan yang lebih baik kepada penduduk setempat.

Sumbangan Pelabuhan Klang kepada negara adalah signifikan terutama melalui sumbangan perdagangan dan eksport. Kedudukan Pelabuhan Klang yang strategik di Selat Melaka menjadikannya tersenarai sebagai pelabuhan kontena ke13 tersibuk di dunia pada tahun 2014. Pelabuhan Klang juga mengendalikan hampir 50% daripada jumlah fret laut negara. Pada tahun 2014, Pelabuhan Klang mengendalikan 10.3 juta *twenty-footer equivalent units* (TEU), iaitu peningkatan sebanyak 15.7% berbanding tahun 2010, dan jumlah tersebut dijangka terus meningkat kepada 16.4 juta TEU menjelang tahun 2020.

Sehubungan itu, bagi menampung peningkatan dalam aktiviti kontena kapal, pelaburan dalam infrastruktur pelabuhan adalah perlu untuk menarik kapal besar, disokong dengan pengendalian kargo yang cekap di

pelabuhan dan perhubungan jalan darat yang baik. Pada masa ini, kebanyakan jalan utama yang menghubungkan Pelabuhan Klang sangat sesak dengan kondisi jalan yang berlompang dan rosak. Antara jalan yang sesak adalah Jalan Pelabuhan Utara dan Lebuhraya Pulau Indah. Perhubungan kereta api antara Northport dan Westport juga terhad dari segi kapasiti dan perkhidmatan yang ditawarkan.

Oleh yang demikian, dalam tempoh Rangkaian Malaysia Kesebelas (2016-2020), tumpuan akan diberikan kepada usaha menambah baik rangkaian ketersambungan akhir ke Pelabuhan Klang bagi mencapai sasaran untuk menjadikan pelabuhan tersebut sebagai salah satu daripada sepuluh pelabuhan tersibuk di dunia.

Dari segi faedah kepada masyarakat setempat dan sekitar pula, ia hanya dapat dimaksimumkan melalui perancangan pembangunan yang dibuat bersama. Sehubungan itu, kerjasama antara Pihak Berkuasa Tempatan dengan Pihak Berkuasa Pelabuhan adalah sangat penting untuk memastikan perancangan pembangunan di kawasan Pelabuhan Klang pada masa hadapan dilaksanakan secara bersepadu.

Sekian, terima kasih.